

katara.my

kembara



Masjid di Kampung Budaya Katara.

Doha abadikan cerita kegemilangan Qatar



Info

BH
20/11/16

→ Muzium Msheireb

Lawatan berdasarkan janji temu sahaja
Tempahan: www.msheireb.com/museums

→ The Torch

Ketinggian: 300 meter
Panorama: Merangkumi 360 darjah panorama Doha.
Tingkat: 51 tingkat
Bilik: Menggunakan iPad untuk mengawal sistem lampu dan peralatan elektronik lain.
Lokasi: Al Waab Street (20 minit ke utara Lapangan Terbang Antarabangsa Qatar).
Tarikan lain: Laluan sambutan ke pusat beli-belah Villagio ala Little Venice.



→ Empat muzium simpan khazanah untuk tatapan pengunjung

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Muzium Msheireb yang terletak di pusat bandar Doha menyimpan sejarah kebangkitan Qatar bermula sejak zaman perhambaan sehingga muncul sebagai antara negara dengan pendapatan perkapita tinggi di dunia.

Muzium ini mengumpulkan empat rumah warisan, Bin Jelmoor, Radwani, Mohamed Jassim dan Company House dengan seni bina tradisional negara itu yang menyimpan kisah tersendiri.

Rumah Bin Jelmoor membonkar kisah perjuangan masyarakat setempat untuk menjadikan Qatar sebagai sebuah negara moden dan bertamadun.

Rumah Radwani dibina sejak tahun 1920-an dan Mohamed Bin Jassim memaparkan gaya hidup masyarakat tempatan sebelum muncul sebagai masyarakat moden hasil penemuan minyak di negara itu.

Company House menyimpan cabaran pekerja industri petroleum yang bekerja keras demi mengubah Qatar kepada

negara moden hari ini. Qatar turut menawarkan percutian di pulau buatan yang cukup mewah, Banana Island Resort, terletak kira-kira 25 minit perjalanan merentasi Teluk Arab dengan bot khas.

Kemudahan meluncur ombak

Pelbagai kemudahan terdapat di sini termasuk taman tema untuk kanak-kanak, panggung wayang, boling, kemudahan meluncur ombak dan kelas belajar menyelam.

Selepas lebih tiga jam menghabiskan masa di situ, kami kembali ke Doha untuk menikmati makan malam di restoran Al Enna di Souq Waqif yang menghidangkan sajian tradisional Qatar seperti daging unta panggang, nasi berempah kambing dan ayam.


Sambil menikmati minuman seperti teh pudina dengan limau, teh karak iaitu campuran bunga cengkih dan buah pelaga.

Pengunjung berpeluang bermalam di bilik mewah Hotel Westin yang terletak di Jalan Salwa untuk berehat sebelum meneruskan eksplorasi keesokan harinya di dua lokasi pembangunan baharu Qatar iaitu The Pearl Qatar dan Perkampungan Budaya Katara.

The Pearl Qatar adalah pulau buatan terletak di luar pantai Teluk Barat, menampilkan gaya hidup pelayar Mediterranean yang dilengkapi menara residensi, villa, hotel, pusat beli-belah dengan jenama mewah, selain restoran serta kafe di sepanjang dermaga.



Tukang jahit jubah di Souq Waqif.



→ Souq Waqif

Bermakna pasar berdiri

→ Pedagang Badwi dan

tempatan berdiri di kedua-dua belah tepi sungai untuk bertukar barang dagangan seperti rempah, ikan, gula, pakaian dan kayu.

Waktu operasi: Bermula jam 4 petang

Tarikan: Restoran dengan cita rasa negara Teluk, Asia Barat dan Asia

- Muzik
- Barangan dan fabrik
- Cenderamata

Budaya gembira raikan tetamu



Perkampungan Budaya Katara pula adalah terjemahan inovasi seni bina warisan Qatar yang mana pementasan teater dan konsert dianjurkan sepanjang tahun.

Cuaca panas bertukar mendung ketika kami tiba ke pusat bandar untuk ke Souq Waqif sebelum tiba-tiba berlaku ribut pasir. Sementara menunggu ribut reda, kami mengunjungi pejabat pelancongan Embrace Doha di dalam kawasan Souq Waqif.

Kami sempat berbual dengan Omar, penduduk tempatan yang menerangkan budaya

masyarakat Qatar yang gemar meraikan tetamu di ruang tamu dikenali sebagai majlis khusus untuk lelaki saja sambil duduk di atas kusyen Arab.

Goyangkan gelas

Wajah tetamu diasap dengan kayu gaharu dan kasturi yang dibakar sebagai tanda selamat datang sebelum dihidang dengan air kopi Qatar berperisa saffron dan pelaga atau teh Karak oleh anak lelaki tuan rumah yang sentiasa menawarkan minuman, tetapi tetamu hanya perlu menggoyangkan gelas jika menolak.

Sebaik cuaca reda, Souq Waqif yang menawarkan pelbagai barangan tradisional Qatar mula sibuk dengan orang ramai yang duduk di bangku kayu sambil minum petang atau bermain dam.

Selepas mendaftar keluar dari Hotel Marriott Doha iaitu hotel terawal di Qatar yang dibina pada tahun 1970 an, kami ke Menara The Torch iaitu hotel tertinggi di Qatar di tengah bandar raya sukan, Aspire Zone untuk makan tengah hari di Restoran Flying Carpert sebelum berangkat pulang ke tanah air.



Info

→ **Hubungi:**
Keterangan lanjut layari:
www.visitqatar.qa

Cawangan Malaysia:

- **Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd**
Telefon: 03-9283 6150
- **Apple Signature Holidays Sdn Bhd**
Telefon: 03-2143 3939
- **Ab & Artho**
Telefon: 037710 4043
- **Canary Tours & Hospitality Services Sdn Bhd**
Telefon: 016-667 8646
- **CIT Travel Sdn Bhd**
Telefon: 03-2091 9966
- **IGNS Holidays Sdn Bhd**
Telefon: 03-4161 1372
- **Indigo Holiday Sdn Bhd**
Telefon: 03-3343 1452
- **Kowamas Holidays Sdn Bhd**
Telefon: 037803 0170
- **Malaysian Harmony Tours & Travel Sdn Bhd**
Telefon: 03 2144 5186
- **Vic-Aire Holiday Sdn Bhd**
Telefon: 03-2141 6633



Restoran
Permaidani
Terbang.



Ruang tamu dikenali sebagai Majlis dalam rumah tradisional Qatar.



→ **Banana Island Resort**

Keluasan: 13 hektar
Lokasi: 11 kilometer daripada terminal Al Shyukh di Corniche, Doha.
Kemudahan: 141 unit bilik dan villa di atas air laut
Tarikan lain: Padang golf sembilan lubang dan spa untuk lelaki dan wanita.



Hanya sebuah perkampungan.

Katara - nama purba dan pertama kami.
Di mana budaya seluruh dunia menjadi satu.

Katara Cultural Village, Doha

QATAR

www.visitqatar.qa